

NAIK TARAF LIPUTAN INTERNET SEBELUM LAKSANA E-PEMBELAJARAN

Nursyaza Faqihah binti Zainal, 1171206,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 13 Ogos 2020

Apabila kerajaan memperkenalkan pembelajaran secara e-pembelajaran sejak 16 April 2011 melalui Dasar e-pembelajaran Negara (DePAN), pelbagai faktor perlu diambil perhatian dengan terperinci.

Ini melibatkan kos, kehendak pasaran terkini serta faktor daya saing. Bagi membantu pelajar menghadapi realiti dunia pekerjaan yang semakin mencabar, kaedah pengajaran dalam talian menjadi satu inisiatif terbaru dalam mendepani kebolehpasaran graduan.

Namun, faktor rangkaian yang kurang memberangsangkan atau liputan wifi yang lemah pasti menimbulkan pelbagai masalah serta kekangan untuk mengikut rentak era digital 2.0.

Kini, seluruh dunia diuji dengan pandemik COVID-19 yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi hampir semua negara termasuk Malaysia.

Selain itu, sesi pembelajaran yang melibatkan ratusan ribu penuntut dari seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta juga terkesan.

Lebih-lebih lagi apabila semua penuntut IPT diarahkan pulang ke rumah masing-masing untuk mengurangkan risiko jangkitan wabak ini.

Oleh itu, pelbagai kemudahan terutamanya liputan wifi secara percuma yang disediakan pihak universiti tidak dapat lagi dinikmati.

Pasti ramai pelajar terkesan dengan keadaan ini khususnya yang berada di kawasan luar bandar atau pedalaman.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan 2019 menunjukkan bahawa tiada langsung penambahbaikan capaian internet dilaksanakan di kawasan luar bandar dan bandar antara 2014 hingga 2016.

Pada 2018, jurang agihan internet antara bandar dan luar bandar sangat besar iaitu sebanyak 70:30.

Masalah ini bukan hanya terbeban pada pelajar golongan B40 sahaja malah pelajar-pelajar lain yang tinggal di kawasan liputan internet lemah juga turut terkesan.

Baru-baru ini, tular video seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Veveonah Mosibin yang terpaksa memanjat dan bermalam di atas pokok bagi mendapatkan talian internet untuk menduduki peperiksaan secara dalam talian.

Ini adalah antara cabaran yang perlu dihadapi oleh seseorang pelajar untuk memastikan dia tidak ketinggalan seperti rakan-rakan yang lain.

Apakah penyelesaian yang diambil agar capaian internet dapat dinikmati sama rata oleh semua golongan?

Siapakah yang harus bertanggungjawab untuk memastikan tiada pelajar yang akan tercicir pelajaran mereka?

Pastinya, jawapannya perlu dipertanggungjawabkan kepada beberapa pihak. Pihak-pihak yang terlibat antaranya terdiri daripada mereka yang merangka dasar, universiti serta syarikat-syarikat telekomunikasi.

Perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya kerana jika tidak diselesaikan segera, kemungkinan ramai pelajar yang akan ketinggalan.

Lebih membimbangkan lagi apabila pelajar mengalami kemurungan atau tertekan dengan kaedah e-pembelajaran ini sehingga merasa kurang motivasi kerana yang selama ini menjadi

pendorong tiada lagi di depan mata. Tahap prestasi pelajar semakin menurun sekali gus menjejaskan pencapaian universiti.

Semuanya hanya di hujung jari. Ayat ini tidak bermakna tanpa capaian internet. Mungkin sudah sampai masanya capaian internet di Malaysia dinaik taraf.

Langkah meningkatkan kualiti liputan pasti akan memberi nafas baharu terhadap prestasi perkhidmatan internet serta memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia menikmati sepenuhnya kemudahan itu khususnya para pelajar.

